

## SEJARAH INTELEK MALAYSIA: BEBERAPA MASALAH DAN PANDANGAN AWALAN

oleh:

MUHD. YUSOF IBRAHIM

SATU bidang didalam sejarah Malaysia yang belum lagi disentuh secara khusus dan mendalam ialah sejarah inteleknya, yakni satu bidang yang antara lain mengkaji tentang pertumbuhan, perkembangan serta penerimaan, penolakan, dan pengaruh buah fikiran dan gagasan-gagasan yang bernas yang pernah diutarakan didalam sesuatu ketika didalam sejarah kita itu. Bidang ini adalah satu bidang yang menarik serta penuh dengan kontroversi, apatah lagi diperingkat awalan ini.

Sejarah intelek ini mempunyai bidang yang luas sebab secara umumnya sahaja sudah dapat dilihat bahawa buah fikiran serta gagasan yang dikemukakan itu mungkin berbentuk politik, ekonomi, kemasyarakatan, keakhlaqan, ugama maupun sains. Samada gagasan-gagasan itu dikemukakan demi ilmu pengetahuan semata-mata, ataupun dengan sesuatu tujuan yang tertentu tidaklah menjadi persoalan besar; yang lebih penting ialah apakah kesan serta pengaruhnya terhadap masyarakat dimana tokoh intelek itu sendiri muncul ataupun terhadap kumpulan-kumpulan masyarakat ditempat-tempat lain. Mengkaji kesan dan pengaruh sesuatu gagasan itu terhadap masyarakat adalah sebahagian dari bidang sejarah intelek itu jua.<sup>1</sup> Dan reaksi masyarakat terhadap sesuatu gagasan itu sesungguhnya adalah berbeza-beza; apatah lagi sekiranya ianya dikemukakan kepada masyarakat yang berbeza-beza pula.

Bagi kita di Malaysia, sejarah intelek itu sudah pasti mempunyai masalah-masalah yang tersendiri yang menuntut jawapan-jawapan yang tersendiri pula. Misalnya, bagaimanakah kita harus mentakrifkan sejarah tersebut *vis-a-vis* masyarakat yang majmuk itu? Atau apakah kita akan hanya mengkaji perkembangan keintelekan dalam satu masyarakat sahaja? Katalah kita memutuskan untuk mengkajinya dari sudut masyarakat Melayu, dari sejak bilakah ianya harus kita mulakan? Apakah kita harus bermula dari Zaman Melaka, merentas ke Zaman Johor-Riau dan kemudian zaman kita ini? Apakah akan terdapat perceraian, dari segi perkembangan intelek, diantara zaman yang barangkali akan kita panggil tradisi dengan moden? Dan dalam hubungan ini, apakah orang bijak dalam Zaman

---

<sup>1</sup> Bagi takrif yang penuh mengenai sejarah intelek ini sila lihat, F.L.V. Baumer, (peny.), *Main Currents of Western Thought, Reading in Western European Intellectual History From the Middle Ages to the Present*, (New York: Alfred A. Knopf, 1970), hal. 3-14. Juga lihat, R.A. Skotheim, (peny.) "Introduction," dalam *The Historian and Climate of Opinion* (Reading, Massachusetts: Wesley Publishing Company, 1969), hal., 1-4, dimana beliau menyentuh tentang iklim pendapat yang merupakan sebahagian dari bidang sejarah alam pemikiran itu. Baumer juga membezakan sejarah intelek itu dengan sejarah alam pemikiran. Baginya sejarah intelek itu adalah lebih luas dan sejarah alam pemikiran itu hanyalah sebahagian darinya sahaja. Dan walaupun ia merentasi bidang-bidang ilmu lain, seperti falsafah dan sains, namun ia bukanlah semata-mata sejarah mengenai bidang-bidang tersebut.

Melaka itu tidak pernah melahirkan buah fikiran yang mungkin sama dengan yang dikemukakan pada kurun kesembilan belas, misalnya? Apakah kemungkinan ini sesuatu yang mustahil? Sekiranya terdapat juga perceraian itu, bilakah ianya berlaku dan apakah pula ciri-ciri yang boleh kita anggap sebagai tanda pemisahan itu? Atau apakah kita hanya akan mengkaji dengan memilih satu zaman yang kita suka?

### Masalah Sumber

Disamping itu terdapat pula masalah yang berkaitan dengan sumber-sumber yang boleh digunakan bagi mengkaji bidang sejarah tersebut. Dari segi ini sumber yang digunakan tidaklah semestinya merupakan dokumen-dokumen, maupun catitan-catitan yang lazimnya sangat dituntut penggunaannya oleh bidang pen-sejarahan lain seperti sejarah politik dan ekonomi. Apa yang diperlukan ialah penulisan-penulisan yang pernah dihasilkan oleh para cendekiawan yang meng-utarakan sesuatu yang bernas mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan ini. Nampaknya agak mudah dan longgar, tetapi tidak—kerana penulisan itu mungkin berbentuk politik, ekonomi, kemasyarakatan ataupun agama dan falsafah. Dalam lain-lain perkataan keseluruhan spektra kehidupan itu sendiri. Dan penulisan itu pula mungkin merupakan dokumen yang boleh dijadikan bahan bagi ahli-ahli sejarah bidang lain. Oleh yang demikian, apakah bentuk bahan-bahan yang boleh kita gunakan?

Seperti yang telah disentuh tadi bahan-bahan itu adalah terdiri dari penulisan-penulisan yang bernas — ataupun dianggap demikian—yang mungkin terdiri dari berbagai bidang ilmu itu sendiri. Yakni ia mungkin berbentuk sastera kreatif seperti sebuah fiksiyen misalnya, perbahasan mengenai falsafah hidup, ataupun nasihat-nasihat politik yang dimaksudkan menjadi tatapan para pemimpin yang memerlukannya. Pokok pangkalnya ia merupakan curahan pemikiran yang keritis mengenai sesuatu, ataupun olahan pemikiran tentang ideal-ideal yang diimpikan. Bahan-bahan ini akan digunakan untuk mengetahui perkembangan pemikiran dan pergolakan intelek didalam sesuatu masyarakat itu pada suatu ketika didalam sejarahnya. Dan dalam hubungannya dengan bahan-bahan ini, apa yang dapat kita perhatikan di Malaysia buat masa sekarang ialah, kebanyakan dari bahan-bahan itu adalah terdiri dari kumpulan yang secara mudahnya biasa diistilahkan sebagai hasil sastera. Ini sangat menonjol terutama sekali bagi zaman sebelum kurun yang kedua puluh ini.<sup>2</sup> Menjelang kurun kedua puluh, kita sudah banyak mempunyai bahan-bahan penulisan yang bukan sastera, dan penulisan-penulisan ini kebanyakannya terbit didalam akhbar-akhbar dan juga majalah-majalah dan mungkin juga diterbitkan dalam bentuk risalah-risalah. Walaupun sumber-sumber ini belum lagi dikaji sepenuhnya dan dengan mendalam pula, namun percubaan-percubaan kearah itu sudah ada dilakukan sedikit-sedikit.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> Ada juga penulisan yang tidak berbentuk sastera sebelum kurun kedua puluh ini; tetapi sangat berkurangan yang ada jika dibandingkan dengan yang sastera. Akhbar-akhbar juga ada, tetapi suatu pengkajian yang rapi haruslah dibuat terhadapnya dahulu sebelum kita dapat menerimanya sebagai bahan kita.

<sup>3</sup> Misalnya Zabedah Awang Ngah *Antoloji Esie Melayu Dalam Tahun-Tahun 1924-1941* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), dan juga Mohamad Taib Osman, *Bahasa Rencana Pengarang Akhbar2 Melayu Hingga 1941* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964).

Bagaimanapun kemungkinan untuk menggunakan sumber-sumber yang bukan sastera itu tidaklah akan menjejaskan hakikat bahwa penulisan yang berbentuk sastera masih dapat dijadikan bahan. Keadaan ini amat nyata, dan seolah-olah istimewa pula bagi Malaysia ini dimana sastera ataupun penulisan kreatif itu sentiasa dijadikan alat oleh seseorang bagi melahirkan perasaannya, gagasannya, falsafahnya, kritiknya dan juga pandangannya terhadap seseorang lain maupun terhadap pemerintah sendiri. Media tersebut juga sentiasa digunakan oleh seseorang untuk mengemukakan harapan serta ideal-idealnya terhadap masyarakat.<sup>4</sup> Jadi bila kita melihat perkara ini, maka sastera itu tidak dapat tidak harus diterima sebagai sumber bagi mengkaji sejarah intelek dan alam pemikiran Malaysia itu.<sup>5</sup>

### Pendekatan

Seterusnya akan timbul pula masalah pendekatan terhadap sejarah alam pemikiran kita itu. Dalam hal ini ada dua cara pendekatan yang lazim; keduanya mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Pertama ialah dengan cara memilih dan kemudian mengkaji gagasan-gagasan yang bernas yang pernah diutarakan dalam sesuatu ketika didalam sejarah kita. Gagasan-gagasan ini mungkin mewakili pergolakan intelek zamannya ataupun hanya merupakan sebahagian dari pergolakan itu sahaja. Gagasan-gagasan itu juga mungkin mempunyai pengaruh serta menimbulkan kesan yang kuat keatas masyarakat. Sebenarnya cara begini adalah cara yang ideal dan terbaik kerana dengan cara ini seseorang itu akan dapat mencari serta mengujudkan keratan rentas iklim pendapat yang pernah ujud pada sesuatu ketika didalam sejarah itu. Iklim pendapat bukanlah merupakan pendapat umum kerana pendapat umum menampakkan suatu kebulatan pandangan oleh masyarakat terhadap sesuatu perkara, sedangkan iklim pendapat itu merupakan keseluruhan pandangan, fikiran serta ulasan terhadap berbagai-bagai perkara didalam masyarakat.<sup>6</sup> Dengan mendapatkan keratan rentas itu, maka semua gagasan yang bernas itu tidak akan tertinggal. Tetapi masalahnya ialah dapatkah dilakukan demikian sepenuhnya? Apakah pilihan kita terhadap gagasan-gagasan yang kita anggap bernas itu nanti tidak akan merupakan pilihan yang sewenang sahaja? Apakah ciri-ciri yang akan kita gunakan untuk membezakan antara yang bernas dengan yang sebaliknya; karya yang lucah juga kadangkala ada menyelitkan falsafah-falsafah kemasyarakatan didalamnya!

---

<sup>4</sup> Lihat misalnya *Melur Kuala Lumpur*, oleh Harun Aminurrashid yang mula-mula diterbitkan dalam tahun 1930 dan diterbitkan semula pada tahun 1962. Juga dalam beberapa banyak cerpen, sajak karangan sasterawan seperti Abd. Rahim Kajai, Keris Mas dan Usman Awang. Lihat misalnya: *Pertentangan*; *Antoloji Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*, yang disunting oleh Omar Mohd. Hashim, dan juga *Patah Tumbuh; Cherita2 Pendek Keris Mas*, yang dikelola serta diperkenalkan oleh Syed Husin Ali.

<sup>5</sup> Perkara ini berlaku juga di Eropah Barat khususnya—terutama bagi Zaman Kesedaran dimana ahli-ahli fikir mereka, disebabkan oleh kongkongan pihak pemerintah dan kegemaran serta "kebiasaan" rakyat pembaca sendiri, banyak menyuarakan gagasan mereka melalui penulisan sastera kreatif. Contohnya Rousseau, filsof Zaman Kesedaran yang sangat terkenal telah menulis sebuah nobel berjudul *Emile* yang mengandungi gagasannya tentang pendidikan. Untuk ringkasan *Emile* ini sila lihat, G.R. Havens, *The Age of Ideas* (New York: The Free Press 1965), hal., 271-277. Juga, J. Bronski & Bruce Mazlish, *The Western Intellectual Tradition* (Pelican Books, 1963), hal. 331-334.

<sup>6</sup> Rujuk kembali Skotheim, (peny.), *The Historian*, hal. 1-2, mengenai hal ini. Juga lihat kembali F.L.V. Baumer, (peny.), *Main Currents*, hal. 5-6.

Persoalan-persoalan ini tambah meruncing apabila dihadapkan dengan zaman-zaman sebelum kurun kedua puluh ini kerana disamping kurangnya penghasilan gagasan yang dituliskan itu sendiri, yang masih kekal juga tidaklah mencukupi. Kedua-duanya ini akan memudarkan usaha untuk mencari keratan rentas itu. Barangkali usaha untuk mencari keratan rentas ini lebih mudah dilakukan bagi kurun kedua puluh ini, ataupun seawal-awalnya sejak pertengahan kurun kesembilan belas hinggalah sekarang ini. Ini ialah kerana sejak pertengahan kurun kesembilan belas itu, dan terutama sekali setelah menjelangnya kurun kedua puluh ini, hinggalah sekarang ini, sudah terdapat banyak penulisan yang berdasarkan dan bercorak keintelekan sama ada yang berbentuk direk ataupun melalui bentuk penulisan sastera.

Cara pendekatan yang kedua ialah dengan mengkaji gagasan-gagasan itu melalui tokoh-tokoh yang mengutarakannya. Pemilihan tokoh itu bukanlah kerana keturunan atau kuasanya, tetapi adalah demi buah fikirannya. Cara begini barangkali adalah lebih mudah dan jelas sebab kita seolah-olah dapat memilih tokoh-tokoh kita itu berdasarkan beberapa ciri yang meyakinkan. Misalnya tokoh-tokoh yang kita pilih itu patutlah merupakan tokoh yang dianggap mewakili zamannya dari segi keintelekan. Kedua ia adalah seorang tokoh yang menonjol, yang banyak sumbangannya dan menarik perhatian umum. Ketiga, ia harus merupakan tokoh yang kontroversial, yang berani dan cekap dalam berhujjah serta sanggup mempertahankan pendiriannya walau apapun pencerohnya. Dan ia juga haruslah merupakan seorang yang berpengaruh iaitu sebagai akibat dari ketokohnya itu. Cara begini barangkali adalah lebih mudah dan jelas tetapi ia mempunyai kekurangan-kekurangan yang tersendiri pula. Misalnya, apakah tokoh yang kita pilih itu akan benar-benar mewakili zamannya? Apakah tokoh itu nanti tidak akan merupakan tokoh yang kita 'suka' sahaja, ataupun tokoh yang dipilih kerana sesuatu kepentingan kita ataupun terpaksa melakukan pilihan yang kita tidak suka? Apakah kita tidak akan memilih tokoh-tokoh yang datangnya dari satu jurusan sahaja — seperti sastera kreatif misalnya?<sup>7</sup> Mungkin nanti tokoh yang kita pilih itu, seperti Hamzah Fansuri ataupun Abdullah Munsyi misalnya, tidaklah mewakili zaman masing-masing dari segi keintelekan.

Yang demikian, kedua-dua cara itu mempunyai kebaikan serta masalahnya masing-masing. Kedua-duanya juga mempunyai potensi masing-masing, ketakluk kepada bahan-bahan yang ada dan boleh didapatkan: sama ada yang berbentuk sastera ataupun penulisan analisa yang objektif yang berbentuk falsafah, ugama, ekonomi, kemasyarakatan ataupun sains.

Di Barat sejarah intelek itu telahpun menerima perhatian yang sewajarnya dari pengkaji-pengkajinya. Malah pengkajian mengenai sejarah intelek Barat itu telah juga menular kenegara-negara lain didunia ini. Tokoh-tokoh mereka seperti John Locke, Thomas Hobbes, Rousseau, Voltaire, Hegel, Karl Marx, Toc-

---

<sup>7</sup> Sesungguhnya bagi kurun yang kedua puluh ini, yakni bagi jangkawaktu yang sampai kira-kira tahun 1950, selain daripada tokoh-tokoh politik, tokoh sastera itulah yang nampak menonjol sekali. Diantaranya termasuklah A. Rahim Kajai, bagi tahun 1930an dan Usman Awang (Tongkat Warrant) serta Kamaluddin Muhammad (Keris Mas) bagi tahun 1950an. Malah tokoh-tokoh politik itu sendiri, ada diantaranya yang juga terkenal dengan penulisan sasteranya— antara tokoh-tokoh itu ialah Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Bustamam.

quiville dan lain-lain itu sudah sangat terkenal diseluruh dunia. Ini sangatlah berbeza dengan sejarah intelek Malaysia kita, anak negeri kita sendiri ramai yang tidak mengenal tokoh-tokoh kita. Oleh kerana itu haruslah dilakukan pengajian yang lebih mendalam serta meluas mengenainya. Dan dalam usaha mengkajinya itu, kita tidak seharusnya memperbandingkan perkembangan sejarah intelek di Barat dengan di Malaysia; terutama sekali sekiranya perbandingan itu adalah bertujuan untuk mencari masa yang lebih gigih, bernas, baik dan maju. Perbandingan dari segi persamaan tentang gagasan yang diutarakan mungkin boleh dilakukan. Sejarah intelek Malaysia itu harus dikaji atas hakikatnya sendiri kerana keadaan tempatannya itu merupakan faktor yang sangat besar dalam menghasilkannya. Sebab-sebab kemajuan maupun kemundurannya adalah sebahagian besarnya didorong oleh keadaan tempatan itu jua. Kita mempunyai tokoh-tokoh kita sendiri yang pada dasarnya mengutarakan gagasan-gagasaan yang tersendiri dengan cara yang tersendiri pula untuk menimbulkan pengaruh dan kesan yang khusus kepada masyarakat Malaysia. Walaupun kita tidak akan mungkin menemui tokoh-tokoh seperti Rousseau ataupun Karl Marx didalam sejarah intelek kita, tetapi apa yang kita temui mungkin sudah cukup menggambarkan sejarah intelek kita itu.

Tokoh-tokoh itulah, yang mungkin datangnya dari berbagai bidang ilmu, yang harus kita kaji, khususnya tentang gagasan-gagasan mereka dan sejauh manakah gagasan-gagasan itu telah mempengaruhi perjalanan masyarakat yang dianggutainya. Mengesan serta memaparkan kesan dan pengaruh sesuatu gagasan itu keatas masyarakat adalah suatu usaha yang rumit, tetapi itu adalah sebenarnya sebahagian dari tugas seorang sejarawan alam pemikiran. Kesan-kesan yang kita lihat itu tidaklah semestinya dari segi penerimaan masyarakat sahaja terhadap sesuatu gagasan itu, tetapi termasuk juga reaksi, penentangan ataupun penolakan serta perbahasan-perbahasan masyarakat mengenainya. Ertinya, apabila sesuatu gagasan itu tersibar didalam masyarakat, apakah yang terjadi?

Sejarah intelek itu adalah suatu bidang yang sangat penting dikaji. Ia menggambarkan kepada kita, bagaimana misalnya, masyarakat Melayu itu, pada satu ketika didalam sejarah, berfikir dan seterusnya bertindak dalam menghadapi sesuatu krisis yang berpunca dari politik, ekonomi, ugama dan lain-lain didalam masyarakat itu sendiri. Mengetahui sejarah intelek Melayu itu juga akan memberikan panduan kepada kita untuk mengetahui bagaimana orang-orang Melayu itu akan bertindak dalam menghadapi sesuatu dalam keadaan semasa. Dan mungkin juga untuk masa yang akan datang. Oleh itu pengkajiannya harus digalakkan dan disamping itu penghasilan penulisan-penulisan yang mengandungi gagasan-gagasan yang bernas harus juga digalakkan. Apalagi didalam negara kita yang dianggap sedang membangun dari segi ruhaniah dan jasmaniah ini.